

24/02/2001

MSC perlu lebih ramai pakar perisian

Azizi Othman in New Orleans

MALAYSIA perlu segera menggariskan strategi melahirkan lebih ramai pakar dalam pembangunan perisian komputer bagi memastikan gagasan penubuhan Koridor Raya Multimedia (MSC) mampu mencapai matlamat yang disasarkan.

Ahli Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) MSC, Derek Williams, berkata kekurangan pakar pembangunan perisian ialah cabaran utama yang dihadapi Malaysia menjayakan wawasannya menerajui teknologi maklumat (IT).

"Ketika ini, hampir semua syarikat yang beroperasi di MSC menghadapi masalah kekurangan sumber tenaga yang mahir dalam pembangunan perisian," katanya kepada pemberita di New Orleans, semalam.

Beliau berkata demikian ketika ditanya apakah cabaran utama yang kini dihadapi MSC untuk terus berkembang dalam satu sesi di Persidangan Aplikasi Dunia (WorldApps) anjuran Oracle Corporation (Oracle).

Williams ialah Naib Presiden Eksekutif Bahagian Asia Pasifik, Oracle yang mewakili presiden yang juga ketua eksekutif syarikat berkenaan, Larry Ellison, dalam IAP.

Menurutnya, dalam keadaan semasa, sesuatu yang pasti ialah Malaysia perlu pantas bertindak melahirkan ramai generasi baru yang mampu menguasai bidang pembangunan perisian.

"Masalah kekurangan tenaga mahir, jika tidak diatasi segera, pasti membelenggu perkembangan MSC ke peringkat seterusnya, terutama dalam sektor seperti platform persekitaran perniagaan-keperniagaan (B2B)," katanya.

Williams berkata, pembangunan perisian, terutama untuk B2B penting kerana perkembangan IT dan teknologi Internet selepas ini ialah dalam persekitaran perniagaan yang akan membentuk evolusi ekonomi sejagat.

Menurutnya, beliau sudah mengetengahkan perkara itu kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam Mesyuarat IAP yang berlangsung di Kuala Lumpur, September lalu.

"Perdana Menteri amat maklum dalam hal itu dan saya yakin beliau mampu memikirkan cara mengatasinya," katanya yang tidak pernah gagal menghadiri setiap Mesyuarat IAP, sejak ia ditubuhkan.

Williams berkata, selain Mesyuarat IAP, beliau juga sentiasa mengadakan perbincangan dengan Dr Mahathir dari semasa ke semasa dan dalam pertemuan terakhir mereka, kedua-duanya membincangkan mengenai B2B.

"Perdana Menteri memang berminat dengan isu B2B dan integrasi lengkap teknologi IT secara menegak atau mendatar serta bagaimana untuk menggalak usaha mewujudkan 'marketplace' dan menjalankan perniagaan di situ.

"Ini kerana, ketika ini sudah ada syarikat MSC yang berbuat demikian dan langkah susulan yang perlu diambil seterusnya ialah mempermudah budaya kerjasama yang bersesuaian," katanya.

Ditanya bentuk sokongan yang diberikan pihaknya bagi mengatasi kekurangan tenaga mahir pembangunan perisian itu, Williams berkata, itu sebabnya Oracle melaksanakan Inisiatif Akademik Oracle.

Projek itu katanya, membabitkan program pembelajaran dan laluan kepada pihak tertentu untuk mendapat maklumat kepada program inkubator yang dilaksanakan kumpulan di seluruh dunia.

"Sebenarnya, keseluruhan industri IT dan Internet di dunia ini memang menghadapi masalah kekurangan tenaga mahir dalam pembangunan perisian dan ia perlu diatasi segera," katanya.

Menurutnya, Oracle berharap jumlah pelatih yang terbabit dalam inisiatif itu dapat digandakan segera bagi memastikan hasratnya membantu syarikat

Malaysia beroperasi secara global tercapai.

Oracle, pembekal perisian perniagaan elektronik terbesar dunia, kini melaksanakan pelbagai projek pembangunan perisian telekomunikasi bagi rantau Asia Pasifik di MSC.

Ditanya perkembangan MSC secara keseluruhannya, Williams berkata, ia menunjukkan hasil positif, makin banyak syarikat antarabangsa mula menubuhkan operasi di sana.

"Beberapa perisian yang dibangunkan di MSC sudah berjaya dieksport manakala sesetengah projek ujian pula berhasil. Saya menyifatkan perkembangannya sebagai memuaskan.

"Oracle, seperti juga saya yakin MSC amat penting bagi Malaysia, terutama untuk memacu perkembangannya pada masa depan dan itulah sebabnya kami menyokong penuh usaha itu," katanya.

(END)